

ADaP sempena bulan membaca KUIM



PARA peserta program ADaP di KUIM, Negeri Sembilan baru-baru ini, menyiapkan tugas dalam kumpulan.

PROGRAM AKhbar Dalam Pembelajaran (ADaP) mengisi sambutan Bulan Membaca Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) baru-baru ini, yang disertai oleh para pelajar Sekolah Agama (Menengah) Unwanus Saadah, Kanchong Darat dari Banting Selangor.

Program dianjurkan Perpustakaan KUIM.

Kata guru pengiring, **Norafizah Ahmad**, dalam keadaan tertentu dia memang menggunakan akhbar ketika mengajar.

Menggunakan akhbar sebagai bahan perbincangan sangat berkesan, kata Norafizah.

"Saya akan menggantung terlebih dahulu, dan menampal pada sehelai kertas bersaiz A4 sebelum menggunakan dalam kelas," katanya.

Menurut beliau soalan peperiksaan percubaan bahasa Inggeris dalam sisipan Sekolah Menengah *Utusan Malaysia*, iaitu *Tutor*, memang baik dan bermutu, walau tahapnya agak tinggi berbanding standard sekolah di pinggir bandar - seperti sekolahnya.

katanya, program ADaP yang dihadiri di KUIM merupakan perkara baru oleh beliau dan para pelajarinya.

"Tak pernah *explore* cara begini sebelum ini," katanya.

Katanya, ADaP sangat membantu pelajar.

Program dikendalikan oleh Ketua Unit Pendidikan, Wahid Hashim.

Ditanya status membaca akhbar dalam kalangan pelajarinya, Norafidah mengaku: "Susah sikit."

Katanya, pelajar suka membaca bahagian sukan - bagi lelaki, atau hiburan bagi lelaki

dan perempuan.

Katanya selepas ini mungkin pelajar boleh digalakkan membaca akhbar yang memang disediakan di perpustakaan.

Seorang lagi guru pengiring, **Zahrul Azyan Mohd Zainul** memberitahu, sekali-sekala dia akan menggunakan akhbar

untuk mencari isi karangan.

Beliau juga mendapat gambaran bagaimana menggunakan akhbar selepas mengikuti ADaP.

"Sebahagian besar pelajar masih belum menguasai cara penulisan karangan yang baik," katanya.